


Lelong 10,000 ikan patin elak rugi

HM 5/12/24 PG 3



MUHAMMAD Alif menunjukkan ikan patin miliknya yang akan dilelong.

Jerantut: Seorang pengusaha sangkar ikan patin di Kampung Lada, dekat sini, melelong kira-kira 10,000 ikan patin semalam, bagi mengelak kerugian akibat banjir.

Muhammad Alif Aiman Baharizal, 23, berkata, dia mempunyai 14 sangkar yang diisi dengan lebih 28,000 ekor ikan patin pelbagai saiz.

Menurutnya, dia percaya terdapat kira-kira 10,000 ikan sudah hampir matang di enam sangkar dan sedia dipasarkan.

Katanya, pada masa ini kebanyakannya ikan yang ada, berat antara 800 gram hingga satu kilogram se-ekor dan biasanya dijual bila mencecah berat 1.2 kilogram.

"Namun bagi mengelakkan kerugian di musim banjir ini, saya berhasrat menjual ikan patin secara runcit atau borong dengan harga murah dari pasaran.

"Saya bimbang akan berlaku gelombang kedua banjir dan jika air Sungai Pahang naik semula, kemungkinan ada sangkar

akan pecah dilanggar kayu hanyut.

"Baru-baru ini beberapa sangkar rosak dilanggar kayu tetapi nasib baik tidak pecah dan perlu dibaiki segera," katanya yang mengusahakan ikan sangkar sejak lima tahun lalu.

Menurutnya, bagi mengelakkan kerugian, dia bercadang menjual kesemua ikan patin yang hampir matang itu dengan harga RM17 sekilogram.

"Harga ini untuk menampung kos makanan saja dan tiada keuntungan kerana harga pasaran patin adalah RM22 hingga RM25 sekilogram," katanya.

Alif Aiman berkata, dia mengambil keputusan menuai hasil ternakan lebih awal berikutan ramalan kaji cuaca menyatakan kemungkinan berlaku lagi banjir pada 8 hingga 14 Disember ini.

Menurutnya, sesiapa yang berminat membeli secara runcit atau borong, boleh datang terus ke sangkarnya di Kampung Lada.